

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10280**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan jaminan keselamatan khususnya di pintu-pintu masuk ke negara ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, terdapat 3 jenis pintu masuk ke negara kita. Pertama, melalui jalan darat dengan menaiki kenderaan di pintu masuk negara seperti Kompleks Imigresen atau Kastam. Kedua, melalui jalan laut dengan menaiki feri, bot atau kapal-kapal perdagangan ke pintu masuk negara seperti di pelabuhan-pelabuhan. Ketiga, melalui jalan udara seperti di lapangan-lapangan terbang antarabangsa. Selain itu, pelbagai agensi Kerajaan telah diletakkan di semua pintu masuk utama negara Malaysia - Thailand (sama ada di ICQ atau CIQ). Kesemua pintu masuk utama ke negara ini dikawal oleh agensi-agensi menerusi penguatkuasaan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Bagi kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk negara di sempadan, ia dikawal secara bersama melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* di antara Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) dan juga Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) di kawasan-kawasan yang telah dipersetujui bersama sepanjang sempadan darat Malaysia – Thailand.

Selain itu, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh

Kementerian Dalam Negeri bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan negara di sempadan darat dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Sebagai makluman, AKSEM pada tahun 2016 telah berjaya merampas pelbagai barang dengan nilai keseluruhan RM38.63 juta melalui 19,169 bilangan operasi yang pelbagai.

Bermula pada tahun 2017, setiap AKSEM negeri telah melaksanakan operasi secara NBOS yang disertai oleh agensi-agensi penguatkuasaan lain di sempadan darat negara dengan kekerapan dua kali seminggu. Pada masa yang sama, satu pasukan khas diketuai oleh Komander AKSEM Negeri Perlis telah dibentuk bagi memfokuskan operasi di kawasan ICQ Padang Besar dalam usaha membendung jenayah rentas sempadan dan mengawal keselamatan sempadan negara.

Selain itu, Rang Undang-undang AKSEM 2017 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Ogos 2017 akan memperkuatkan lagi organisasi AKSEM dan memperluaskan skop dalam memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan. Dengan berkuat kuasanya Akta AKSEM 2017, ia akan membuka ruang kepada AKSEM untuk bergerak lebih proaktif dan kompetitif. Akta ini juga membolehkan perluasan operasi AKSEM ke sempadan darat negara di Sabah dan Sarawak secara berfasa menjelang tahun 2020 selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan kawalan sempadan darat negara secara keseluruhannya.

115

**SOALAN ( 50 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak minyak ditemui di perairan Kelantan, aktiviti cari gali minyak giat diusahakan bagi kerja-kerja pengeluaran minyak, sila Kementerian memberi laporan terperinci berapa tan metrik minyak yang telah dipasarkan daripada 2013 sehingga sekarang dan berapakah hasil daripada pengeluaran ini yang telah dapat membantu meningkatkan pendapatan negara.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua lapangan minyak dan gas di Semenanjung Malaysia tidak dikenalpasti mengikut mana - mana persempadanan negeri memandangkan lokasi lapangan - lapangan ini berada melebihi 3 batu nautika dari pesisir pantai dan tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Akta Laut Wilayah 2012.

Sekian, terima kasih.

30 Oktober 2017